



Ruj.Kami : Prk.ML. 11/01/25 711.2 (74)
Tarikh : 15 April 2016

SEGERA DENGAN FAKS

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang
Jalan Akuarium
11700 Gelugor
PULAU PINANG

Tuan,

PENARIKAN KUASA MELULUSKAN PENGELUARAN DAN PEMBAHARUAN LESEN SERTA KAD PENDAFTARAN NELAYAN DI PERINGKAT DAERAH DI PULAU PINANG (PEKELILING PELESENAN BIL. 4/2016)

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan susulan hasil naziran pelesenan oleh Bahagian Pengurusan Sumber dengan kerjasama Pejabat Perikanan Negeri pada 4 dan 5 April 2016 yang lalu, **mendapati banyak kelemahan di dalam urus tadbir prosedur pelesenan dan kewangan di salah satu Pejabat Perikanan Daerah (PPD) di Pulau Pinang.**

3. Sehubungan itu, sementara naziran menyeluruh dilaksanakan dan langkah-langkah pembetulan diambil, **SEMUA KUASA MELULUS** oleh Ketua Daerah Perikanan (KDP) di semua PPD di Pulau Pinang adalah **DITARIK BALIK** bagi perkara-perkara seperti di bawah:

- i) Pengeluaran lesen baru;
- ii) Pembaharuan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan;
- iii) Pengeluaran kad pendaftaran nelayan baru;
- iv) Pembaharuan kad pendaftaran nelayan.

4. Oleh itu, semua kelulusan pelesenan yang terlibat hendaklah dimajukan kepada Pejabat Perikanan Negeri untuk **keputusan oleh Pengarah Perikanan Negeri atau Ketua Unit Pelesenan Negeri Pulau Pinang.**

5. Selaras dengan itu, pihak tuan adalah diminta untuk memaklumkan pekeliling ini kepada semua Ketua Daerah Perikanan dan kakitangan pelesenan yang berkenaan. Pekeliling ini akan **berkuatkuasa SERTA-MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HJ. ISMAIL BIN ABU HASSAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

Y.H Dato' Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber

Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia

Ketua Unit Integriti, Jabatan Perikanan Malaysia